

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK**  
**[ LUBOK ANTU ]**  
**TARIKH : 04 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa klinik kesihatan di pekan Lubok Antu amatlah uzur dan perlu diganti dengan klinik kesihatan baru seperti yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan Pilihan Raya Umum ke-13 ke kawasan Parlimen Lubok Antu bagi memastikan Lubok Antu akan mendapat klinik kesihatan jenis 3 dibina.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik Kesihatan Lubok Antu merupakan salah sebuah daripada 8 buah klinik kesihatan yang terdapat di Daerah Lubok Antu. Klinik kesihatan jenis 5 ini menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada 6,819 penduduk dalam kawasan operasinya, dengan purata kedatangan harian seramai 122 orang pesakit sehari.

Klinik Kesihatan Lubok Antu merupakan sebuah bangunan klinik separa kayu, yang telah dinaiktaraf pada tahun 2009. Pada tahun 2013, kerja-kerja pembaikan bangunan klinik telah dilaksanakan di bawah aktiviti Perluasan Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu dengan kuarters di tapak baru telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan bajet 2015 baru-baru ini.